

23/08/2000

Pandangan Malaysia dapat sokongan

MAPUTO (MOZAMBIQUE), Selasa - Pendirian dan pandangan Malaysia mengenai kesan buruk globalisasi dan liberalisasi perdagangan mendapat sokongan pemimpin negara membangun lain, termasuk di benua Afrika.

Bagaimanapun, mereka tidak boleh menyuarakan sokongan itu kerana banyak di kalangan negara berkenaan berada di bawah kawalan Tabung Matawang Antarabangsa (IMF), berhutang dengan Bank Dunia dan menerima bantuan negara Barat.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, walaupun demikian, pemimpin negara berkenaan bersetuju dengan pandangan Malaysia berhubung isu globalisasi.

"Mereka ingin berbuat sesuatu sebab itu mereka bertanya kita bagaimana kita melakukannya. Secara sedikit-sedikit mereka sudah melakukan sesuatu untuk membantu negara mereka, tetapi sukar untuk keluar daripadanya.

"Sekali kita terperangkap, seperti yang berlaku di Filipina, ia mungkin mengambil masa untuk keluar," katanya selepas menghadiri majlis makan malam sempena Dialog Antarabangsa Selatan Afrika (SAID) 2000 di sini, malam tadi.

Dr Mahathir berkata, negara Afrika boleh menggunakan pengalaman Malaysia menangani masalah kemelesetan ekonomi sebagai persediaan bagi mengelak negara mereka terperangkap dengan keadaan yang sama.

Krisis Asia memberi pengajaran bahawa dunia adalah persekitaran yang penuh dengan permusuhan dengan negara lemah menjadi sasaran serangan ekonomi negara kaya yang berhasrat untuk memperkayakan diri mereka dengan mempergunakan negara miskin.

"Agensi antarabangsa tidak boleh diharapkan untuk membantu kerana mereka adalah alat negara kaya. Oleh itu, kita perlu bergantung pada diri kita sendiri," katanya.

Ketika ditanya sama ada negara Kumpulan G8 juga akan diundang untuk menyertai dialog supaya mereka boleh mengambil kira pandangan negara miskin sewaktu berbincang menggubal sesuatu polisi, Perdana Menteri berkata:

"Beberapa negara Kumpulan G77 sudah cuba menghubungi negara berkenaan tetapi G8 adalah sebuah kelab eksklusif dan tidak bersedia untuk mendengar. Mungkin ada satu dua negara seperti Jepun dan Perancis yang mahu mendengar, tetapi yang lain tidak mahu," katanya.

Mengenai kerjasama menerusi Perundingan Ekonomi Asia Timur (EAEC), beliau berkata, usaha berterusan untuk merealisasikan ini mesti diteruskan dan tidak boleh berputus asa.

"Walaupun kita sudah cuba 10 tahun lalu dan mengambil masa yang lama, lama kelamaan menjadi kenyataan sekalipun dalam bentuk dan nama yang lain, tetapi ia adalah perkara yang sama," katanya.

(END)